



SUMBANGAN SEKTOR PELANCONGAN

Oleh Michelle Tai Tze Ching

SEJAK mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai sektor telah dibangunkan terutamanya sektor ekonomi. Salah satu daripada sektor ekonomi yang mendapat perhatian utama oleh pihak kerajaan ialah sektor yang berasaskan perindustrian, termasuklah industri pelancongan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa industri pelancongan telah menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pertukaran mata wang asing di sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berjaya meletakkan diri setanding negara lain.

Seperti negara-negara ASEAN yang lain juga, industri pelancongan di negara ini giat dimajukan. Oleh hal yang demikian, pada tahun 2015 pihak kerajaan turut mengisytiharkan Tahun Festival Malaysia dengan kempen yang bertemakan "Endless Celebrations". Kempen ini bertujuan untuk menonjolkan dan meraikan kepelbagaian budaya dan perayaan yang banyak terdapat di Malaysia sebagai tarikh kepada pelancong. Tahun Festival Malaysia 2015 juga menasarkannya supaya negara terus meningkatkan momentum pertumbuhan industri pelancongan yang dicapai sepanjang pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Setiap tahun bilangan pelancong yang datang ke Malaysia semakin meningkat. Pernahkah terlintas di benak anda, apakah kebaikan yang diperolehi rakyat dan negara dalam usaha mempromosikan negara yang kita cintai ini, iaitu Malaysia kepada pelancong dari luar negara?

Satu daripada kebaikan sektor pelancongan negara ialah dapat memperkenalkan negara Malaysia ke seantero dunia. Hal ini demikian kerana negara kita banyak memiliki tempat yang unik untuk dijadikan destinasi pelancongan.

Dari aspek ekonomi, sektor pelancongan dapat meningkatkan ekonomi negara dari segi aliran masuk wang asing ke negara kita. Pelancong yang datang dari negara luar menukar mata wang negara mereka kepada mata wang Ringgit Malaysia sebelum boleh berbelanja di sini. Bertitik tolak daripada itu, sektor pelancongan dapat memajukan industri kraf tangan di Malaysia. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia bukan sahaja memajukan industri kraf tangan ke luar negara, bahkan menjadi peruk nasi kepada pengusaha kraf tangan tempatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor pelancongan mampu memajukan bidang perniagaan di Malaysia sekaligus mengurangkan kadar pengangguran. Tidak dinafikan bahawa peluang yang datang memberi rezeki yang melimpah ruah kepada peniaga.

Sementelahan itu, sektor pelancongan dapat memperkenalkan budaya Malaysia yang unik lagi istimewa kepada dunia luar. Hal ini bersangkut-paut dengan keunikan penduduk Malaysia yang berbilang kaum dan etnik. Oleh hal yang demikian, kita hendaklah sentiasa menunjukkan sikap mesra pelancong dan bersopan-santun bagi menggalakkan kehadiran mereka.

chr. no: 0600274471

ECO 2015/A14